

D530

U B078 BAH
MAHATHIR - LAM THYE

KUALA LUMPUR, 30 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PENGUNDI KAWASAN PARLIMEN BUKIT BINTANG BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI PERHATIAN LEBIH KEPADA MEREKA SEKIRANYA MEREKA MENGUNDI BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH KERANA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN ITU, ENCIK LEE LAM THYE, DARIPADA DAP TELAH MENGUMUMKAN TIDAK BERTANDING SEMULA PADA PILIHAN RAYA UMUM KELAK, MAKA PENGUNDI KAWASAN ITU +TIDAK PAYAHLAH MENGUNDI PENGGANTINYA DARIPADA PARTI ITU (DAP)+.

+DENGAN KEMENANGAN BN, MAKA KITA LEBIH BERUPAYA MEMBANTU SAUDARA-SAUDARI. WALAUPUN KITA TIDAK MENANG DAHULU, KITA TIDAK MELAYAN DENGAN BURUK ORANG YANG TIDAK PILIH KITA. TAPI KALAU ORANG PILIH KITA, TENTU KITA NAK LAYAN LEBIH SIKIT,+ KATANYA SEMASA MELANCARKAN PROGRAM LATIHAN PENJAJA-PENJAJA DAN PENIAGA-PENIAGA KECIL WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DI SINI.

KATANYA, ENCIK LEE SEBELUM INI DIPILIH DAN MENJADI JUARA KERANA BELIAU KADANG KALA MELAKSANAKAN TUGASNYA DENGAN BAIK SERTA MENOLONG ORANG RAMAI.

+SEKARANG DIA KATA DIA TIDAK BERTANDING. JADI TAK PAYAHLAH NAK UNDI PENGGANTI DIA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN. -- LAGI

2213MST 30 09 90

D533

U B081 BAH
MAHATHIR - LAM THYE 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP RAKYAT MEMILIH CALON BN TANPA MENGIRA SIAPA JUA CALON YANG AKAN DILETAKKAN DI SITU.

KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI KRISIS DAP EKORAN PENGUMUMAN ENCIK LEE MAHU BERSARA DARIPADA POLITIK, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEPENDAPAT DENGAN TIMBALANNYA, ENCIK GHAFAR BABA.

+SAYA BERPENDAPAT WALAUPUN ENCIK LEE TIDAK MENGAKU DIA ADA PERSELISEHAN DALAM DAP, TETAPI UMUM MENGETAHUI BAHAWA SIKAP DIA BERBEZA DENGAN SIKAP PEMIMPIN DAP YANG LAIN.

+KITA BIASA DENGAR DIA ADA PERTELINGKAHAN DENGAN (SETIASAUA AGUNG DAP ENCIK LIM) KIT SIANG UMPAMANYA. TIDAK HAIRANLAH KENAPA DIA BERHENTI DARIPADA DAP,+ KATANYA.

SEMASA DITANYA MENGENAI CALON BN YANG AKAN DILETAKKAN DI KAWASAN TERSEBUT, BELIAU BERKATA BN AKAN MELETAKKAN CALON YANG BERSesuaian DENGAN KAWASAN TERSEBUT DAN MENOLAK KEMUNGKINAN CALON UMNO AKAN DIPILIH. -- LAGI

2225MST 30 09 90

D535

U B082 BAH
MAHATHIR - LAM THYE 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, MEMANDANGKAN MAJORITI PENGUNDI KAWASAN ITU TERDIRI DARIPADA KAUM CINA, ADALAH WAJAR JIKA CALON BN YANG AKAN BERTANDING DI SITU BERKETURUNAN CINA.

APABILA DITANYA BILAKAH BELIAU AKAN MENDEDAHKAN KANDUNGAN PITA RAKAMAN UCAPAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG MAHU MEMBUNUH PAS DAN DAP SEKIRANYA MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, BELIAU BERKATA PERKARA ITU SEPATUTNYA DITANYA KEPADA TENGGU RAZALEIGH KERANA BELIAU YANG MEMBUAT UCAPAN TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, UMNO AKAN MENDEDAHKAN KANDUNGAN PITA ITU SEKIRANYA TENGGU RAZALEIGH MENYANGKAL TUDUHAN TERSEBUT.

SEMASA DIBERITAHU BAHAWA BANYAK KALANGAN UMNO DAN PARTI KOMPONEN BN YANG MAHUKAN PITA RAKAMAN ITU, BELIAU BERKATA: +SATU HARI MUNGKIN KITA AKAN BERI+.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS ENCIK LIM KIT SIANG KERANA MENUDUH BELIAU SENGAJA MENGATUR LAWATAN PEMIMPIN KULIT HITAM AFRIKA SELATAN, ENCIK NELSON MANDELA, KE MALAYSIA MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- LAGI
2238MST 30 09 90

U B083 BAH
MAHATHIR - LAM THYE 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN JUGA DITUDUH SEDEMIKIAN SEMASA LAWATAN PEMIMPIN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) YASSER ARAFAT DAN MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL.

MENURUTNYA, ENCIK LIM BERKATA DEMIKIAN KERANA BELIAU SENTIASA MEMIKIRKAN SOAL PILIHAN RAYA SAHAJA.

+KALAU DIA (MANDELA) NAK PERGI (MELAWAT) ADAKAH PATUT DIA RANCANG UNTUK MENYESUAIKAN DIRINYA DENGAN KEHENDAK KITA (UNTUK ADAKAN PILIHAN RAYA),?+ TANYA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN BELIAU MENJEMPUT ENCIK MANDELA DAN PRESIDEN KONGRES KEBANGSAAN AFRIKA (ANC) WALTER SUSULU SEMASA BELIAU MELAWAT LUSAKA DAHULU, BELIAU TIDAK MENDESAK KEDUA-DUANYA MENGENAI TARIKH LAWATAN KERANA MEREKA MEMPUNYAI BANYAK TUGAS DI NEGARA MEREKA.

+TETAPI KALAU DIA BERCADANG UNTUK DATANG PADA BILA-BILA MASA SAMA ADA SEMASA PILIHAN RAYA ATAU TIDAK, KITA TERIMA SAJALAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU HANYA DIBERITAHU MENGENAI CADANGAN ENCIK MANDELA UNTUK MELAWAT MALAYSIA MELALUI KUMPULAN BUDAYA ANC YANG MELAWAT MALAYSIA SUATU MASA DAHULU. -- BERNAMA
2246MST 30 09 90